

**BELANJAWAN: Taska, Prasekolah Berkualiti Dapat Maksimum Potensi Sejak Peringkat Awal Bernama
28 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Pelbagai insentif yang diberikan untuk memperkukuhkan taska dan prasekolah dapat memaksimumkan potensi pembangunan insan mahir sejak di peringkat awal.

Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) Prof Madya Datuk Mohd Ali Hassan berkata melalui pemberian insentif itu juga, pengusaha dapat memperkemaskan sistem pendidikan dan penyelenggaraan kemudahan taska dan prasekolah.

"Penyediaan dan sistem pengurusan pendidikan taska yang baik penting bagi memastikan pembelajaran awal kanak-kanak adalah paling berkualiti. Kami mengharapkan peruntukan dan semua insentif itu akan dipantau dan dilaksanakan sebelum akhir tahun ini," katanya kepada Bernama.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Belanjawan 2013 mengumumkan sebanyak RM1.2 bilion disediakan kepada pelbagai agensi kerajaan sebagai platform melengkapkan kanak-kanak dengan pendidikan prasekolah berkualiti.

Insentif itu termasuk pemberian geran pelancaran RM10,000 kepada Pusat Pendidikan Awal Pendidikan Kanak-Kanak (ECCE) swasta serta potongan cukai dua kali kepada majikan yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan.

Selain itu, pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10 peratus setahun diberi kepada pengusaha taska, pusat jagaan kanak-kanak dan prasekolah swasta.

Mohd Ali berkata saban tahun kerajaan sentiasa membuat pembaharuan untuk merancakkan dan memberi kesedaran mengenai pendidikan awal kanak-kanak.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) Hashim Adnan berkata kerajaan hari ini serius dalam memastikan sistem pendidikan awal kanak-kanak adalah berkualiti.

"Kanak-kanak pada tahap ini adalah begitu mudah dipupuk, jika disemai nilai yang baik daripada awal, pembelajaran mereka akan menjadi lebih efektif apabila di sekolah rendah," katanya.

Bagaimanapun, beliau berharap sistem pembelajaran di taska dan prasekolah dapat diseragamkan dan tidak hanya tertumpu kepada teknik pembelajaran mudah seperti melukis dan menyanyi.

"Guru taska perlu diberi kursus pengajaran yang lengkap dan betul supaya dapat menyalurkan pendidikan dengan cara yang tepat memandangkan anak-anak ini merupakan penjana kemajuan masa depan," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad Tan Sri Alimuddin Mohd Dom berkata insentif yang diberikan kerajaan untuk taska dan prasekolah tahun ini sangat unik dan menarik.

"Seperti negara luar yang lain, kerajaan mereka sentiasa menitikberatkan pendidikan kanak-kanak seawal umur tiga atau empat tahun, jadi kerajaan Malaysia juga sedang ke arah memperkasakan perkara yang sama," katanya.

Mengenai projek perintis melaksanakan taska untuk Orang Kelainan Upaya (OKU), Alimuddin yang juga bekas Ketua Pengarah Pelajaran berkata taska seumpama itu adalah wajar bagi memberi peluang kepada kanak-kanak OKU mendapat pendidikan sama seperti kanak-kanak lain dengan kemudahan fizikal yang lengkap.

Dalam perkembangan lain, Presiden Kesatuan Guru-guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (Kongres) Jamale Paiman berkata belanjawan tahun ini yang bertemakan mensejahterakan rakyat adalah tepat apabila sebahagian besar peruntukan tertumpu kepada bidang pendidikan.

Beliau juga meminta kerajaan supaya menetapkan standard perguruan tahap prasekolah dan taska dengan lebih efektif dengan memperketatkan syarat kelayakan sebagai guru taska dan prasekolah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698300>